



Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi Ogos 2022



Lagu Tema HKHM 2022

Setiap jiwa pasti bangga
Atas nama bangsa Malaysia
Sekian lama merdeka
Tertumpahnya cinta

Usia kita makin dewasa
Berkali-kali kita diuji
Kasihnya bangsa dibela
Maruah dijaga

Ooooo Laungan kita
Malaysiaku..tanah airku
Negaraku.. Malaysiaku..
Lihatlah kita..wahai bangsaku

Semaikan cinta gerak hati pasti murni
Nyala semangat dipalu
Kita bagaikan aur dengan tebing
Keluarga Malaysia teguh bersama

Lagu : Kusham
Lirik : Zaira Sham



TEMA & RASIONAL TEMA

Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022

Tema yang dipilih untuk Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022 adalah selari dengan konsep keharmonian Keluarga Malaysia

Merujuk kepada masyarakat yang hidup aman damai dan bersatu padu dalam keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran



TEGUH BERSAMA

Bermaksud kukuh,
kuat dan erat

Membawa maksud bersama-
sama beserta atau bergandingan

Frasa **TEGUH BERSAMA** mendukung maksud kekuatan dan kesepaduan yang dicapai secara kolektif serta mampan

Sumber : Semarak Malaysia Ogos 2022

LOGO & RASIONAL LOGO

Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2022

LOGO BERKONSEPKAN JALUR LIPUTAN INTERNET

Melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat.

KEDUDUKAN YANG BERSELANG-SELI

Melambangkan keterbukaan dalam meraikan perbezaan dan kepelbagaian demi kemajuan bersama.

TIGA JALUR BIRU, MERAH DAN KUNING

Merupakan cerminan Keluarga Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar budaya serta hidup harmoni.

TITIK MERAH

Melambangkan jati diri dan semangat patriotik yang menjadi teras pembentukan negara berdaulat dan berwawasan.

Sumber : Semarak Malaysia Ogos 2022

SESI LIBAT URUS AHLI PERSATUAN NELAYAN KAWASAN (PNK) ANJURAN JABATAN PERIKANAN NEGERI SELANGOR

1 Ogos 2022 - Cawangan Pengembangan dan Pemindahan Teknologi Jabatan Perikanan Negeri Selangor telah mengadakan Bengkel Pengukuhan kepada Ahli-Ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di Hotel Pulse Grande, Putrajaya.

Sempena bengkel pengukuhan ini, satu (1) sesi libat urus di antara ahli-ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dengan Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah telah diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan aktiviti perikanan dan aktiviti perkapalan di Negeri Selangor.

Jabatan Laut Wilayah Tengah yang diketuai oleh En.Lim Fung Vui, Ketua Bahagian Operasi hadir bersama-sama ketua-ketua bahagian di Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Ketua Pejabat Laut Negeri Selangor bagi menjayakan sesi libat urus ini.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) UTAMAKAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MARIN LALUAN MOD PENGANGKUTAN LAUT

2 Ogos 2022 - Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Utara ketua pasukan teknikal beliau laksana kerja-kerja pemeriksaan dan senggaraan alat melawan tumpahan minyak di Jeti Tanjung Lembong, Langkawi Bandaraya Pelancongan, utara Selat Melaka dalam gambar fail bertarikh 29 Julai 2022 (Jumaat) baru-baru ini. Semasa Forum Ke-13 Co-operative Mechanism Bagi Keselamatan dan Perlindungan Alam Sekitar Marin di Selat Melaka dan Selat Singapura pada 18 - 22 Julai 2022 bulan lalu, JLM mewakili Malaysia bersama-sama rakan sejawat negara Indonesia dan Singapura saling mengiktiraf dan komited memastikan Selat Melaka dan Selat Singapura kekal selamat, terbuka dan bersih untuk memudahkan kapal-kapal antarabangsa keluar-masuk di Selat yang penting ini.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) DI ANTARA JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

2 Ogos 2022 - Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) diantara Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

Majlis berlangsung dengan upacara menandatangani MOU antara Ketua Pengarah Laut, YBhg. Dato' Hj. Baharin bin Dato' Abdul Hamid yang mewakili JLM dan Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail, yang mewakili UTM. Upacara tandatangan turut disaksikan oleh Prof. Dr. Rosli bin Md. Illias, Timbalan Naib Canselor, (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia, Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Jabatan Laut Malaysia, Prof. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd Rahman, Menjalankan Tugas sebagai Dekan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia dan Puan Zalikha binti Moslim, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Memorandum Persefahaman (MoU) antara JLM dan UTM mengenai kerjasama dalam pembangunan penyelidikan sektor maritim berhasrat untuk melahirkan pakar bidang industri maritim khususnya dalam sektor perkapalan dan pelabuhan. Perkara ini selaras dengan objektif utama memorandum persefahaman iaitu mengadakan hubungan kerjasama antara JLM-UTM dalam bidang pembangunan penyelidikan sektor maritim atas dasar kesamaan dan manfaat bersama.



Bidang-bidang kerjasama yang akan dimeterai pada hari ini melibatkan kerjasama dalam bidang-bidang berkaitan pembangunan penyelidikan sektor maritim khususnya sektor perkapalan dan pelabuhan; dan kerjasama dalam penyediaan latihan industri, latihan dan kursus serta penerbitan hasil kajian penyelidikan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian dan Wilayah, Jabatan Laut Malaysia dan pegawai-pegawai kanan daripada JLM dan UTM.

KIBARKAN JALUR GEMILANG SEMPENA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM) 2022

2 Ogos 2022 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak dengan kerjasama dan sumbangan warga Ibu Pejabat Kuching telah mengibarkan bendera Negeri Sarawak dan Bendera Malaysia di kawasan dan bangunan pejabat.

Program ini telah bermula dengan kibaran bendera negeri Sarawak pada Hari Sarawak 22 Julai 2022 dan diteruskan dengan kibaran bendera Malaysia bermula 1 Ogos 2022 sehingga Hari Malaysia pada 16 September 2022.

Dengan sumbangan semua warga Jabatan di Ibu Pejabat dan semangat bersatu hati dan kenegaraan yang tinggi, hasil daripada sumbangan yang diberikan oleh semua kakitangan Ibu Pejabat Kuching berjumlah RM689.00 telah berjaya membeli sejumlah 75 helai bendera dengan penggantian bendera di tiang bendera dibuat serentak memandangkan bendera sedia ada telah lusuh dan koyak.

Selain itu, penyerahan bendera juga dibuat kepada kapal dan bot milik Jabatan untuk dikibarkan sepanjang bulan kemerdekaan sehingga Hari Malaysia.

Walaupun dengan kekangan peruntukan Jabatan bagi membeli bendera, warga Jabatan bersatu hati dalam menghulurkan sumbangan memandangkan ianya merupakan imej Jabatan di samping dapat memupuk semangat cintakan tanah air dan negara, semangat bersatu hati dan memperingati perjuangan pihak-pihak yang terlibat dalam memerdekakan negara.

Program seperti ini hendaklah dikekalkan di setiap bulan kemerdekaan bermula pada Hari Sarawak 22 Julai setiap tahun dan diteruskan sehingga Hari Malaysia pada 16 September.



LAWATAN KERJA DAN PEMERIKSAAN FIZIKAL KE ATAS ALAT BANTUAN PELAYARAN DI SEKITAR PERAIRAN KEMAMAN

2 Ogos 2022 – Lawatan kerja dan pemeriksaan fizikal ke atas tandarah suar dan pelampung pandu di Pelabuhan Kemaman dan perairan Kemaman oleh Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur bersama Ketua Bahagian Pengurusan Trafik & Bantuan Pelayaran dan pasukan Wakil Pegawai Penguasa Projek (WPP) serta syarikat yang telah dilantik oleh pihak Jabatan Laut.

Lawatan kerja dan pemeriksaan fizikal, bertujuan untuk melihat keadaan dan fungsi alat bantuan pelayaran serta penilaian tahap kerja bagi projek pembaikan dan penyelenggaraan tandarah suar. Di samping itu, meninjau keadaan alur pelayaran dan aktiviti perkapalan di sekitar perairan Kemaman juga.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) RAI PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN & KIBAR JALUR GEMILANG 2022

3 Ogos 2022 – Ketua Pejabat Laut Langkawi, JLM Wilayah Utara bersama pasukan beliau raikan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 di Terminal Feri Penumpang Kuah, Langkawi Bandaraya Pelancongan dalam gambar fail bertarikh 3 Ogos 2022 (Rabu) hari ini. Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun 2022 ini bertemakan Keluarga Malaysia Teguh Bersama yang amat sesuai dengan iltizam dan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.





MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI MEMBINA DAN MELABUH UNJAM INOVASI AKADEMI PERIKANAN MALAYSIA

3 Ogos 2022 – Pejabat Perikanan Negeri Selangor telah menganjurkan Program Pemindahan Teknologi Membina Dan Melabuh Unjam Inovasi Akademi Perikanan Malaysia di bawah inisiatif Pengurusan Perikanan Melalui Pendekatan Ekosistem di Kampung Nelayan Telok Gong Pelabuhan Klang, Selangor.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Puan Noraisyah binti Abu Bakar, Pengarah Perikanan Negeri Selangor. Pn. Nor Haslinda binti Bashir telah hadir bagi mewakili Pengarah Laut Wilayah Tengah di majlis perasmian ini dan turut serta melabuhkan *unjam* di lokasi yang telah dikenal pasti.

Sebanyak 10 unit *unjam* telah dilabuhkan bagi memperkaya sumber perikanan di kawasan tersebut dalam menyokong pemuliharaan populasi ikan di kawasan setempat.

KETERSEDIAAN INDUSTRI PERKAPALAN MALAYSIA BAGI MEMATUHI KONVENSYEN ANTARABANGSA DAN NASIONAL

4 Ogos 2022 – YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) telah mempengerusikan mesyuarat bersama organisasi yang diiktiraf dan Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) bagi membincang ketersediaan Industri Perkapalan dalam mematuhi Konvensyen Antarabangsa dan Nasional yang akan berkuatkuasa.

Tujuan utama mesyuarat adalah untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada MASA bagi membantu Industri Perkapalan memacu ekonomi di Malaysia.

Turut hadir bersama mewakili JLM ialah Tuan Haji Azudin bin Zainal Abidin, Pengarah Bahagian Kawalan Industri Maritim dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Laut Malaysia.



PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI MENINGKAT 100% KEPADA 18 RIBU TANAN KASAR PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021

4 Ogos 2022 – Pemeriksa Kapal Ketua Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM) Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara laksana pemeriksaan ke atas kapal layar PETRUS daripada Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi yang memohon untuk menukar status pendaftaran daripada persendirian kepada komersial dalam gambar fail bertarikh 2 Ogos 2022 (Selasa).

Pendaftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi berjaya mencipta rekod baru Jabatan apabila mendaftar lebih 18 ribu Tanan Kasar bagi pendaftaran itu sebelum suku tahun ke-3 tahun 2022 berakhir, berbanding hanya 9 ribu Tanan Kasar dalam jangka masa yang sama pada tahun 2021.



LAWATAN RASMI UNIT MARIN DAN VTMS, LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LPJ) KE VTS KLANG, JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)

4 Ogos 2022 – *Vessel Traffic Services* (VTS) Klang telah menerima kunjungan daripada Unit Marin dan VTMS Lembaga Pelabuhan Johor yang diketuai oleh Puan Norzie Hasnira binti Samsudin (Pengurus Marin & VTMS) dan disambut oleh En. Mohd Hisham bin Rubani, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) serta pegawai dan kakitangan BPTBP.

Di samping itu, melakukan sesi suai kenal bersama pihak JLM, lawatan ini juga bertujuan untuk mendapatkan pendedahan dan pengetahuan kepada pegawai dan kakitangan LPJ mengenai sistem kawalan laut yang dipraktikkan oleh VTS Klang, JLM dalam mengurus tadbir dan memantau aliran trafik kapal-kapal khususnya di perairan Selat Melaka.



DIALOG KESEDARAN KESELAMATAN AGENSI KERAJAAN DENGAN KERJASAMA PETRONAS MENYANTUNI KOMUNITI NELAYAN

15 Ogos 2022 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur (JLMWT) telah menyertai dialog 'Sembang Teh Tarik' anjuran Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Terengganu dengan kerjasama Petronas serta komuniti nelayan Kuala Terengganu dan Dungun. Sembilan (9) pegawai dari pelbagai bahagian termasuk tiga (3) ketua pejabat telah mewakili JLMWT.

Alu-aluan daripada wakil JLMWT mengingatkan tentang kepentingan semua pihak dalam memastikan kelestarian pengangkutan marin. Bot nelayan yang membawa pemancing (bot rekreasi memancing) hendaklah dipastikan selamat melalui pemeriksaan yang dilakukan jabatan serta peralatan keselamatan dibawa sepanjang pelayaran. Bot nelayan yang dilesenkan bawah Akta Perikanan 1985 tidak sesekali dibenarkan membawa penumpang tanpa terlebih dahulu mematuhi kehendak yang ditetapkan melalui Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 bawah kawal selia JLM. Tambahan itu, bot hendaklah tidak beroperasi dalam Kawasan Larangan dan Tempat Larangan iaitu 500m sekeliling pelantar.

Komuniti nelayan telah meluahkan bebanan kos yang ditanggung oleh mereka dalam mematuhi syarat bagi pengeluaran surat kebenaran membawa penumpang bagi tujuan rekreasi memancing. Bebanan ini khususnya terhadap pematuan syarat pemilikan perakuan kekompetenan (CoC), insurans perlindungan dan indemniti serta kelengkapan personal locator beacon (PLB) sebagai alternatif kepada emergency position indicating radio beacon (EPIRB). Dalam hal ini, Jabatan memaklumkan tentang kepentingan perkara tersebut dalam memastikan keselamatan dan kelancaran tindak balas kecemasan sepanjang operasi membawa penumpang. Meskipun luahan tersebut diberikan oleh kebanyakan pemilik bot nelayan, terdapat empat (4) pemilik bot yang telah patuh kepada syarat-syarat ini dan seterusnya telah diberikan surat kebenaran operasi oleh JLMWT.

PENGERUKAN ALUR PELAYARAN KUALA PERLIS - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) LAKSANA SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH BANTU KELANCARAN PROJEK

6 Ogos 2022 - Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara bersama pasukan Wakil Pegawai Penguasa Projek (WPP) dan kontraktor pengerukan - See Song & Sons Sdn. Bhd. laksana Sesi Libat Urus bersama semua pemegang taruh alur pelayaran Kuala Perlis bagi menerangkan perkembangan dan risiko yang perlu dielak bagi membantu kelancaran projek. Kuala Perlis merupakan salah satu laluan mod pengangkutan laut paling utama ke Langkawi Bandaraya Pelancongan.



PROGRAM HARI TERBUKA RUMAH API TANJUNG TUAN

6 Ogos 2022 - Bahagian Pengurusan Trafik Dan Bantuan Pelayaran, Jabatan Laut Wilayah Tengah telah menganjurkan Program Hari Terbuka Rumah Api di lokasi Rumah Api Tanjung Tuan, Melaka.

Pengarah Laut Wilayah Tengah, Tuan Haji Baharudin bin Zakaria turut hadir bagi menjayakan program ini. Selain itu, program ini turut dihadiri oleh Dr. Julyus Melvin Mobilik (Pengarah MATRAIN), Encik Shah Habidin Arib Bin Jaafar (dari Wilayah Selatan), pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Bukit Rambai, Sekolah Menengah Ghafar Baba dan orang awam.

Program ini diadakan untuk memberi maklumat berhubung pengoperasian rumah api di samping sedikit perkongsian maklumat sejarah pembinaan rumah api sebagai bangunan warisan. Selain itu, agihan risalah rumah api kepada pengunjung dan membina hubungan baik dengan pengunjung dan pada masa yang sama berkongsi penyaluran maklumat berhubung kerosakan atau ketidaksediaan pengoperasian Alat Bantuan Pelayaran.

PROGRAM MENEMBAK ANJURAN AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA, MARITIM NEGERI JOHOR BERSAMA KETUA JABATAN DAN MEDIA

7 Ogos 2022 - Pengarah Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan, Tuan Haji Dickson bin Dollah telah menghadiri program menembak anjuran Maritim Negeri Johor bersama ketua jabatan dan media di Lapang Sasar Johor Clay Target, Ladang Rem, Kota Tinggi, Johor.

Seramai 70 orang peserta daripada 11 jabatan dan agensi termasuk urusetia terlibat dalam program menembak pada kali ini. Kesemua peserta telah diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu acara "*Precision*" dan "*Falling Plate*" secara individu dan berkumpulan.

Program ini bertujuan mengasah bakat, skil dan kemahiran menembak serta memupuk disiplin yang tinggi ketika mengendalikan senjata api kepada semua peserta yang hadir.



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA DAN AGENSI

8 Ogos 2022 - Majlis Penyerahan Projek (*Sign Off*) Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pengangkutan Malaysia Dan Agensi Di Bawahnya Untuk Tempoh 2021-2025 Bersama MAMPU telah diadakan bertempat di Perbadanan Aset Keretapi (Railway Assets Corporation - RAC) Level 16, IOI City Menara 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City Putrajaya.

Kementerian Pengangkutan (MOT) dan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian dan agensi masing-masing untuk tempoh 2021-2025. Pembangunan PSP 2021-2025 telah dibangunkan dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selaku perunding.

LAWATAN RASMI KETUA PENGARAH LAUT KE PULAU LAYANG-LAYANG

8 Ogos 2022 – YBhg. Dato’ Hj Baharin bin Dato’ Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah mengadakan lawatan muhibah ke Pulau Layang-Layang bagi melihat tahap ketersediaan Alat Bantuan Pelayaran (ABP) di gugusan Kepulauan Layang-Layang yang dikendalikan oleh JLM.

Pulau Layang-Layang terletak kira-kira 162 batu nautika atau 300 KM dari Barat Laut Kota Kinabalu. Perjalanan menggunakan kapal POLARIS milik JLM mengambil masa selama 16 jam dari Labuan ke Pulau Layang-Layang.

Pasukan JLM telah diberikan taklimat ringkas oleh CO Lt. Kdr Mohd Sahafiq bin Razian (TLDM) berkenaan dengan tahap operasi di sana dan juga kepentingan Pulau Layang-Layang dalam memastikan perairan negara sentiasa terpelihara daripada sebarang ancaman.

Turut hadir ke sesi lawatan tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Pengarah Laut Wilayah Sarawak, Pengarah Laut Wilayah Timur, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pengerusi MASA.



OPENING CEREMONY TRAINING FOR SHORT-TERM TRAINING COURSE FOR VTS OPERATORS

8 August 2022 – The Training for Short-term Course for VTS Operators was launched by YBhg. Dato' Hj. Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Director General, Marine Department Malaysia (MARDEP). This Training course is a joint effort between MARDEP and The Japanese Government attended by the 10 ASEAN States, which from Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand, and Vietnam.

Accompanying the Director General are Captain Mohamad Halim Bin Ahmed, Deputy Director General (Planning), MARDEP, Captain Abdul Samad Bin Shaik Osman, Deputy Director General (Operation), MARDEP, Mr. Hairizam Bin Albukhari, Director of Traffic Management and Aids to Navigation Division, MARDEP, Ts. Dr. Julyus Melvin Mobilik, Director of MATRAIN, and Mr. Nordin bin Mohamadin, Director of Ports, Logistics and Trade Division.

Also present at the opening ceremony are Mr. Saito Hiroaki, First Secretary of The Embassy of Japan in Malaysia, Mdm Norhasliza Binti Mat Salleh, Deputy Under-Secretary of Maritime Division, Ministry of Transport Malaysia, Mr. Tomotsu IKEDA, Chief Executive Director, Japan Aids to Navigation Association, Mr. Omar Frits Eriksson, Deputy Secretary General of IALA, and officials from Malaysia and Japan.

Rear Admiral Tsuguo Awai, Deputy Director General of Administration Department, Japan Coast Guard and Mr. Hoang Hong Giang, Chairman, ASEAN Maritime Transport Working Group (MTWG) also present virtually.

MARDEP, through MATRAIN is indeed honored to have the privilege of hosting this Training for Short-Term Course for VTS Operators as result of the Expert Group Meeting on Advanced Personnel Training Program for Vessel Traffic Service.

This VTS Operator training short-term course has been designed to be implemented in accordance with IALA V-103/1 model course to provide specific knowledge and skill necessary for qualification as a VTS Operator. The participants will be awarded with the V103/1 VTS Operator Training Course Certificate upon successful completion of the course.

Perhaps these collective efforts will help to ensure that the ASEAN waterways remain safe for international trade and commerce which will in time, bring much economic progress and development for all.



OPENING CEREMONY TRAINING FOR SHORT-TERM TRAINING COURSE FOR VTS OPERATORS



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) JALANI SESI LATIHAN SEMULA PENGUNAAN SISTEM NAVIGASI ELEKTRONIK (ENAV)

12 Ogos 2022 – Timbalan Pengarah Laut JLM Wilayah Utara (Operasi) bersama pasukan Ketua-Ketua Pejabat Laut Wilayah Utara mengetuai Sesi Latihan Semula penggunaan sistem navigasi elektronik bersempena sambutan Hari WAtON Sedunia pada 13 Ogos 2022 (Sabtu) di Rumah Api Fort Cornwallis, George Town Bandaraya Warisan UNESCO, Pulau Pinang dalam gambar fail bertarikh 11 Ogos 2022.

Sesi latihan dibantu oleh penyedia perkhidmatan maritim GreenFinder Sdn. Bhd dan turut hadir adalah Pengarah Bahagian Operasi Maritim dan pegawai-pegawai kanan Ibu Pejabat Laut Malaysia.



WEBINAR MENGENAI APLIKASI PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN MARITIM PINTAR DALAM PENYELENGGARAAN KESELAMATAN PELAYARAN DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR DI SELAT MELAKA & SINGAPURA

18 Ogos 2022 – *China Maritime Safety Administration (MSA)* dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Institut Maritim Malaysia (MIMA) bersama-sama menganjurkan webinar mengenai "Aplikasi Pengurusan dan Perkhidmatan Maritim Pintar dalam Penyelenggaraan Keselamatan Pelayaran dan Perlindungan Alam Sekitar di Selat Melaka & Singapura".

Webinar ini dijalankan secara maya pada 17 – 18 Ogos 2022 dan melibatkan kerjasama daripada Malaysia, Indonesia dan Singapura.



SAMBUTAN *WORLD MARINE AIDS TO NAVIGATION DAY 2022* DI RUMAH API FORT CORNWALLIS, GEORGE TOWN, PULAU PINANG



13 Ogos 2022 - Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran, Ibu Pejabat serta Jabatan Laut Wilayah Utara telah menganjurkan Sambutan *World Marine Aids to Navigation Day 2022* di Rumah Api Fort Cornwallis, George Town, Pulau Pinang yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Baharin Bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia. Turut mengiringi YBhg. Dato' Ketua Pengarah Laut ialah YBrs. Kapten Abdul Samad Bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JLM, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Wilayah, serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Laut Malaysia.

Sambutan ini dianjurkan adalah sebagai satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada masyarakat umum berhubung kepentingan dan fungsi alat bantuan pelayaran.

Alat bantuan pelayaran ditakrifkan sebagai sebarang peralatan, sistem atau perkhidmatan selain milikan kapal bertujuan untuk memastikan keselamatan pelayaran kapal. Antara panduan asas pelayaran yang diguna pakai bagi tujuan tersebut adalah Alat Bantuan Pelayaran (ABP) bagi kategori visual seperti Rumah Api, Tandarah Suar dan juga Pelampung Pandu.

Konvensyen Antarabangsa *Safety of Life at Sea (SOLAS)* Bab 5 adalah merujuk kepada perkara Keselamatan Pelayaran antara lain memperkatakan keperluan kerajaan negara tersenarai yang menerima pakai konvensyen tersebut memperkenalkan sistem perkhidmatan lalu lintas kapal (*VTS - Vessel Traffic Services*) yang berkesan mengikut keperluan semasa. VTS juga merupakan salah satu kategori ABP mengikut takrifan *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA)*.

JLM sentiasa komited dalam mempertingkatkan keselamatan Sistem Perhubungan Laut dan memastikan ketersediaan alat bantuan pelayaran pada tahap optimum serta sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada aktiviti pelayaran kapal.

PERSIDANGAN LATIHAN KEPIMPINAN POLIS MARITIM WANITA DARI 15 HINGGA 18 OGOS 2022 DI INTERCONTINENTAL HOTEL KUALA LUMPUR

18 Ogos 2022 – Program di bawah Jabatan Kawalan Eksport dan Keselamatan Sempadan Berkaitan (EXBS), dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Antarabangsa (Bantuan Latihan), menjemput tujuh (7) pegawai wanita daripada Jabatan Laut Malaysia untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam Kursus Pembangunan Kepimpinan Wanita serantau dalam Keselamatan Maritim.

Kursus ini dijalankan dalam format hibrid di mana peserta kursus menyertai secara maya bersama pegawai daripada Agensi Keselamatan Maritim Indonesia dan Filipina. Kursus Pembangunan Kepimpinan Wanita ini diadakan untuk mengajar asas kepimpinan, penetapan matlamat, strategi komunikasi, dan bimbingan kepada peserta, supaya dapat dipraktikkan semasa menjalankan tugas harian mereka agar dapat berkhidmat dengan lebih baik.



JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) SERTA PROGRAM KESUKARELAWANAN PEMBERSIHAN KUALA PERLIS

20 Ogos 2022 – Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis, JLM bersama pasukan beliau sertai program Voluntourism Pembersihan Kuala Perlis anjuran Kerajaan Negeri Perlis bagi melonjakkan jati diri dan semangat patriotik yang menjadi teras pembentukan Negara.

Program ini juga turut memupuk kesepaduan dan kebersamaan sesama pasukan JLM.



CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) - RUMAH TUNAS HARAPAN TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KUALA SELANGOR DAN LAWATAN KE RUMAH API KUALA SELANGOR

20 Ogos 2022 – Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) telah menganjurkan *Corporate Social Responsibility (CSR)* bertempat di Rumah Tunas Harapan (RTH) Tengku Ampuan Rahimah, Kuala Selangor.

Program ini telah disertai oleh peserta-peserta *Training for Short-term Training Course for VTS Operators* dari Negara-Negara ASEAN dan pegawai daripada Kumpulan Profesional dan Sokongan, Jabatan Laut Malaysia (JLM) yang diketuai oleh Encik Mohammad Saifullah bin Yusoff, Perunding Latihan Kanan, Bahagian Pembangunan Profesional (Fungsional), MATRAIN.

Para peserta telah disambut oleh Puan Lasteri Binti Said, Pengerusi Rumah Tunas Harapan Tengku Ampuan Rahimah dan pegawai-pegawai RTH serta pegawai daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor.

Pada program ini, para peserta telah menyantuni anak-anak RTH dan bersama-sama bergotong-royong membersihkan dan menceriakan sekitar kawasan RTH. Para peserta juga mengambil peluang berkongsi pengalaman dan nasihat kepada anak-anak RTH.

Program diteruskan dengan lawatan ke Rumah Api Kuala Selangor. Para peserta telah diberikan sedikit taklimat berkenaan sejarah dan fungsi rumah api tersebut oleh kakitangan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah. Semoga program ini dapat mendekatkan lagi hubungan JLM dan komuniti luar.

KERJA Pengerukan ALUR PELAYARAN KUALA PERLIS - KONTRAKTOR Pengerukan TAMBAH JENTERA PERCEPATKAN KEMAJUAN PROJEK

21 Ogos 2022 - YBhg. Dato' Hj Baharin bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut Malaysia terima taklimat daripada kontraktor pengerukan See Song & Sons Sdn Bhd semasa Pengerusikan Mesyuarat Tapak pada 19 Ogos 2022 (Jumaat) mengenai usaha mereka menambah jentera pengerukan untuk mempercepatkan kemajuan projek selesaikan blok pertama dari 7 blok pengerukan sebelum Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2022 (Rabu).



SESI LAWATAN JLM KE ROYAL SELANGOR YACHT CLUB - PROMOSI PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI DAN PERLESENAN BOT DALAM HAD PELABUHAN SELANGOR

23 Ogos 2022 - Pengarah Bahagian pendaftaran kapal, JLM dan disertai bersama Pegawai Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah dan Ketua Pejabat Laut Selangor hadir bersama bagi lawatan mesra ke Royal Selangor Yacht Club dan disambut baik oleh Pengurus dan *Commodore* serta pasukan. Peluang ini diambil bagi mempromosikan pendaftaran kapal layar di bawah Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi dan Perlesenan Bot serta penerangan berkaitan kewajipan keperluan insurans ke atas semua kapal yang berada di Perairan Malaysia.



KEJOHANAN GOLF TAHUNAN JABATAN LAUT MALAYSIA DAN MMS

27 Ogos 2022 – Satu kejohanan Golf Tahunan antara Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan MMS telah dijalankan di Kelab Golf Amverton, Pulau Carey. Pasukan MMS telah diketuai oleh En. M Denny M Isa manakala JLM diketuai oleh Tuan Hj Baharuddin Zakaria selaku Kapten pasukan yang telah membawa kemenangan kepada JLM. Pasukan JLM terdiri dari 8 pemain golf yang diwakili oleh pemain-pemain dari Semenanjung Malaysia dan Labuan.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) UJI RANTAIAN KOMUNIKASI ANTARA KRU FERI PENUMPANG

30 Ogos 2022 – Ketua Pejabat Laut Langkawi, JLM bersama dengan pasukan Pemeriksa Kapal beliau uji rantaian komunikasi antara kru feri penumpang LANGKAWI FERRY 3 semasa auditan Pengurusan Keselamatan dalam gambar fail bertarikh 15 Ogos 2022 (Isnin) sebagai persediaan hadapi minggu cuti sekolah selepas Hari Kebangsaan 2022.

Rantaian komunikasi antara kru merupakan salah satu elemen penting dalam auditan ini bagi memastikan kesepaduan, kebersamaan dan keharmonian kru sentiasa berada dalam tahap tertinggi bagi menghadapi sebarang insiden kecemasan di laut.



PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SARAWAK BILANGAN 6 TAHUN 2022



30 Ogos 2022 - Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Jabatan serta Sambutan Hari Kebangsaan turut diraikan sewaktu perhimpunan tersebut. Perhimpunan kali ini merupakan anjuran Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak.

Perhimpunan telah diadakan di Dewan Serbaguna Blok B. Pengacara majlis iaitu Puan Misni binti Mohamad Suhai memulakan majlis dengan bacaan doa oleh Encik Mohd. Adenan bin Deraman dan diteruskan dengan ucapan amanat oleh Pengarah Laut Wilayah Sarawak, Encik Mohamad Marzuki bin Brahim.



Dalam ucapan tersebut, beliau mengingatkan agar semua kakitangan membuat perbelanjaan berhemah memandangkan kekangan kewangan yang dihadapi Jabatan dan beliau turut berterima kasih atas sumbangan semua warga Jabatan bagi membeli bendera untuk dihiasi di kawasan pejabat Ibu Pejabat Kuching. Ini jelas dapat memupuk semangat kerjasama dan cintakan negara memandangkan semua warga Jabatan bergotong-royong menghias bangunan pejabat dengan bendera.



Majlis turut diteruskan dengan deklamasi sajak oleh Cik Kamariah binti Kalahin yang bertajuk "Hujan Bulan Ogos" hasil karya Aida Nia. Susulan daripada tamatnya deklamasi sajak tersebut, nyanyian lagu "Tanggal 31 Ogos" oleh Sudirman Arshad turut berkumandang dan sama-sama dinyanyikan oleh warga Jabatan yang menghadiri perhimpunan. Bendera-bendera kecil dikibarkan meriah oleh warga Jabatan sewaktu lagu tersebut berkumandang.



Taklimat ringkas berkenaan dengan Kesedaran ABMS - Anti Rasuah disampaikan oleh Encik Muhamad Azri bin Abdul Aziz, Pegawai Laut AL41 bagi memberikan penerangan serba sedikit kepada semua yang hadir berkaitan dengan pentingnya pengurusan dan pengendalian risiko rasuah di Jabatan dan bagaimana kaedah menanganinya.

Perhimpunan dilengkapi dengan nyanyian lagu "Keluarga Malaysia Teguh Bersama".

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2022

31 Ogos 2022 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan dengan jayanya telah menyertai perbarisan bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Johor yang telah diadakan di Dataran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri pagi tadi.

Seramai 39 orang pegawai dan kakitangan termasuklah 3 orang pelatih industri daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menyertai acara tahunan itu.

Kontinjen Jabatan kali ini telah berbaris bersama-sama 145 buah kontigen yang terdiri daripada agensi Kerajaan Negeri, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun, institusi pendidikan awam dan swasta, NGO dan sukarelawan menghadiri majlis sambutan itu yang berakhir kira-kira 11.15 pagi tadi.

Untuk makluman, sambutan kali ini agak menarik kerana ia merupakan sambutan hari kemerdekaan pasca COVID-19 yang menyaksikan sejarah penyertaan terbesar apabila seramai 6 ribu orang telah berpusing ke lokasi sambutan seawal jam 4.00 pagi tadi.

Majlis telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor itu turut menyaksikan Kontigen Setiausaha Kerajaan Johor sebagai juara keseluruhan acara perbarisan.

Syabas dan tahniah kepada warga Jabatan yang telah memberikan komitmen dan menunjukkan semangat yang tinggi dalam menyertai acara tahunan itu. Sesungguhnya semangat kekitaan dan semangat keluarga Malaysia jelas kelihatan dalam menjayakan sambutan ini.





MERDEKAKAH NETIZEN?

Mengikut Kamus Dewan, hormat bermaksud mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan, khidmat dan takzim. Sikap ini boleh dizahirkan dalam bentuk perbuatan, lisan dan tulisan. Hormat menghormati amat penting untuk memastikan masyarakat hidup dalam keadaan aman dan damai.

Tidak mustahil jika hilang rasa hormat dalam diri kita, masyarakat akan dipandang rendah dan ia boleh membawa kepada konflik dan krisis yang berpanjangan.

Sikap hormat menghormati adalah nilai kebersamaan universal. Maka, kita perlu memupuk perasaan dan sikap berkenaan sesama kita dengan menghormati kepelbagaian yang ada, menghormati kelainan yang wujud sesama kita dari segi keupayaan, kemampuan, pegangan hidup, agama, bangsa, budaya dan perbezaan pandangan.

Malah banyak lagi kelainan lain yang seharusnya kita hormati dan perlu dipupuk dengan sebaik mungkin. Dalam negara Malaysia yang bermasyarakat majmuk, adalah menjadi cabaran bagi semua kaum yang menganuti pelbagai agama dan kepercayaan untuk hidup dalam keadaan rukun dan damai. Pergolakan sosiopolitik yang sentiasa wujud dalam negara yang bergerak maju mestilah diurus dengan penuh kebijaksanaan, keadilan dan ketegasan.

Sepanjang dua puluh tahun yang lalu, kita telah melihat perubahan ketara dalam dunia kita hasil daripada media sosial. Hari ini, kita boleh berkomunikasi dengan rakan dan keluarga di seluruh dunia dengan mudah dan pantas.

Kewujudan media sosial ini telah mengubah corak komunikasi dan berlaku tanpa sempadan. Sikap hormat menghormati sewaktu menggunakan media sosial adalah amat penting.

Sumber : Semarak Malaysia Ogos 2022



Kebebasan bersuara di media sosial tidak bermaksud ia harus digunakan sebagai platform untuk sengaja mengeluarkan kenyataan yang boleh menyebabkan perbalahan di platform itu.

Misalnya, berhati-hati dan jangan berhubung dan cepat percaya dengan orang yang anda tidak kenali. Jangan hantar teks, buat siaran atau hantar gambar yang anda tidak akan selesa untuk ibu bapa atau seluruh dunia melihatnya.

Sentiasa gunakan adab yang baik apabila berkomunikasi melalui teks, e-mel, telefon atau siaran di laman media sosial. Ingat, orang lain mungkin memuat turun gambar anda dalam situasi yang mengaibkan dan menyiarkan untuk tatapan dunia.

Amat sukar untuk memadamkan sesuatu apabila ia telah dimaklumkan kepada dunia. Apabila memberi komen, pastikan komen yang diberikan tidak mengaibkan orang lain atau menyentuh isu sensitif yang melibatkan agama dan bangsa.

Media sosial dan Internet yang sepatutnya digunakan untuk tujuan kebaikan, malangnya digunakan oleh sesetengah pihak untuk menanam kebencian, kebebasan bersuara yang melampau dan sebagainya sehingga membawa ke arah sikap yang biadab, memaki hamun, mencarut dan bertindak sewenang-wenangnya tanpa ada batas sempadan, akhlak dan perasaan malu berbuat demikian.

Begitu juga apabila sesuatu peraturan dikuatkuasakan untuk tujuan menghormati sesuatu institusi, sesetengah pihak sengaja melanggarnya atas tiket kebebasan bersuara. Malah sesetengah kritikan itu tidak adil sehingga melupakan kepentingan menghormati institusi, jabatan dan organisasi yang bertujuan mewujudkan ketenteraman awam. Semua ini perlu dibetulkan segera.

Sumber : Semarak Malaysia Ogos 2022

Gunakan pertimbangan yang baik di media sosial kerana ia adalah lambang keperibadian anda. Dalam institusi keluarga, ibu bapa berperanan penting dalam mendidik anak-anak kaedah penggunaan media sosial yang berhemah.



Kebebasan bersuara di media sosial tidak bermaksud ia harus digunakan sebagai platform untuk sengaja mengeluarkan kenyataan yang boleh menyebabkan perbalahan di platform itu. Perkara ini tidak harus dibiarkan kerana menjadi hasrat kerajaan membentuk Keluarga Malaysia yang bersifat prihatin, tolong-menolong, berkasih sayang, saling menghormati, bantu-membantu, bertolak ansur dan bekerjasama.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah tentu berperanan penting dengan mengambil tindakan tegas terhadap individu atau pihak tertentu yang sengaja menggugat keharmonian, kestabilan dan keselamatan negara.

Bagi memastikan penggunaan media sosial yang berhemah adalah wajar setiap individu mengamalkan etika dalam menggunakan media sosial. Antara etika yang boleh dipraktikkan ialah:

1. Tidak melibatkan diri terhadap perkara yang tidak diketahui.
2. Tidak berkata atau mengeluarkan pendapat terhadap khabar angin yang akan mendorong kepada fitnah dan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.
3. Menyebarkan berita-berita palsu atau memutar belit maklumat yang tidak diketahui sumbernya sehingga sukar untuk mengenal pasti sama ada ia benar atau palsu. Bahkan mereka juga menambah maklumat lain berbentuk gambar atau video bertujuan untuk menjadikannya sebahagian daripada maklumat asal. Ini akan menyebabkan kesulitan kepada pembaca membezakan maklumat yang betul atau salah.

Sumber : Semarak Malaysia Ogos 2022



Gunakan pertimbangan yang baik di media sosial kerana ia adalah lambang keperibadian anda.

4. Mencegah diri daripada melakukan sindiran dan penghinaan terhadap orang lain sama ada dalam bentuk gambar atau komen.
5. Mengelakkan diri daripada menyebarkan sesuatu perkara tentang seseorang terutama perkara yang dituntut agama untuk menjaganya dan tidak menyebarkannya kepada orang ramai seperti aurat, aib dan sebagainya kerana ia terkait dengan perihal penyebaran perkara-perkara keji kepada masyarakat.
6. Menjaga waktu agar tidak membuang masa pada perkara yang tidak berfaedah. Tidaklah sesuai bagi seseorang manusia menghabiskan umurnya untuk berbual-bual di media sosial tanpa memberi faedah kepadanya.
7. Menyemak asas kebenaran sesuatu perkara. Setiap perkara, berita ataupun perkhabaran yang kita terima dan perolehi itu hendaklah diselidik dan disiasat terlebih dahulu kebenaran dan kesahihannya sebelum menularkannya ke laman-laman sosial yang lain.

Kesemua etika ini akan dapat dihayati jika setiap individu bertanggungjawab atas tindakan yang dilakukan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati nurani, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya."

Surah al-Isra' ayat 36.

Sebagai kesimpulan, tunjukkan rasa hormat kepada orang di sekeliling anda, jadilah individu yang bertanggungjawab apabila berada di sekolah atau rumah, ketika bersama-sama keluarga, komuniti mahupun rakan-rakan.

Gunakan pertimbangan yang baik di media sosial kerana ia adalah lambang keperibadian anda. Dalam institusi keluarga, ibu bapa berperanan penting dalam mendidik anak-anak kaedah penggunaan media sosial yang berhemah. Ini secara tidak langsung akan melahirkan generasi yang berpekerti mulia.

Sebagai warganegara, sikap hormat menghormati amat dituntut kerana ia selari dengan Rukun Negara iaitu 'Kesopanan dan Kesusilaan' serta amalan masyarakat majmuk di Malaysia. 

PROFESOR MADYA DR. ZAINAL MADON

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah,
Jaringan Industri dan Masyarakat)
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Sumber : Semarak Malaysia Ogos 2022

KEMPEN MEMBACA 10 MINIT



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA



- JABATAN LAUT MALAYSIA -

KESILAPAN EJAAN DALAM BAHASA MELAYU

SALAH



BETUL



resepi



resipi

redha



reda

cop



cap

taksub



taasub

legenda



legenda



SUMBER: PUSAT RUJUKAN PERSURATAN MELAYU
DISEDIAKAN OLEH : UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN

#KELUARGA
MALAYSIA



Jabatan Laut Malaysia



elautmy



jabatanelaut



eJabatan Laut Malaysia



www.marine.gov.my



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA



- JABATAN LAUT MALAYSIA -

LAUT

Maksud : kumpulan air masin yang menggenangi sebahagian besar muka bumi

Contoh : Laut Merah

KATA NAMA LAUT BERSINONIM DENGAN :

1. Samudera
2. Semedera
3. Bahar
4. Segara
5. Jeladeri



#KELUARGA
MALAYSIA

SUMBER: PUSAT RUJUKAN PERSURATAN MELAYU
DISEDIAKAN OLEH : UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN



Jabatan Laut Malaysia



elautmy



jabatanelaut



eJabatan Laut Malaysia



www.marine.gov.my



Muffin Pisang Nutella dan Oat

BAHAN - BAHAN:

- 2 cawan tepung gandum
- 1 cawan oat
- 1/4 cawan gula kastor
- 1/2 cawan gula perang
- 2 sudu teh baking powder
- 1 sudu teh baking soda
- 1/4 sudu kecil garam halus
- 1 biji telur
- 1/2 cawan susu *full cream*
- 1/4 cawan minyak sayur (minyak jagung atau minyak canola)
- 1 sudu kecil esen vanilla
- 2 biji pisang saiz besar (atau 3 biji pisang saiz sederhana), lecek halus
- Nutella secukupnya

CARA PENYEDIAAN:

- Panaskan oven pada suhu 170°C.
- Di dalam mangkuk satukan tepung, oat, gula kastor, gula perang, baking soda dan garam. Kacau hingga semuanya sebat.
- Di dalam mangkuk berasingan, pecahkan telur dan masukkan minyak sayur, esen vanilla, dan pisang yang dilecek.
- Tuang bahan campuran tepung ke dalam adunan basah dan kacau sehingga sebat menggunakan senduk atau whisk. Jangan terlebih kacau dan memadai jika campuran bergaul sebat.
- Kautkan adunan menggunakan sudu atau *ice cream scoop* ke dalam muffin tin (anggaran 12 biji muffin saiz besar)
- Letakkan 1 sudu kecil nutella di atas adunan dan kacau menggunakan pisau kecil atau lidi halus supaya menjadi bentuk *swirl* yang cantik.
- Bakar selama 17-20 minit atau sehingga bilah lidi dicucuk dan tidak melekit.

Tips :

Jangan kacau adunan terlalu lama kerana nanti muffin akan menjadi keras oleh sebab gluten yang terhasil daripada tepung atau adunan yang terlebih kacau.

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Muhammad Shuhaimi Bin Abd. Rahman
Ketua Editor



YBhg. Dato' Hj. Baharin Bin Dato' Abdul Hamid
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Azham Bin Abd
Razak**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

**Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.**

korporat@marine.gov.my